



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

---

#### **PENGGUNAAN BEACON LIGHT / STROBE LIGHT SECARA HARAM**

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menerima aduan berhubung isu penggunaan lampu mata arah (*Beacon Light*) dan lampu strob (*Strobe Light*) pada kenderaan persendirian tanpa kebenaran Jabatan. Hasil semakan pangkalan data JPJ mendapati, bermula **Januari hingga Oktober 2022, sebanyak 1,223 kenderaan** (pelbagai kategori) telah diambil tindakan oleh JPJ dengan jumlah notis sebanyak 2,319 kerana menggunakan lampu mata arah (*Beacon Light*) dan lampu strob (*Strobe Light*) tanpa kebenaran Jabatan.

Untuk makluman, ***Beacon Light*** bermaksud satu lampu amaran khas yang memancarkan cahaya berkelip yang berterusan berwarna biru, merah, biru dan merah atau amber dan dikategorikan sebagai komponen aksesori di atas bumbung sesebuah kenderaan. Sementara itu, ***Strobe Light*** bermaksud sejenis lampu khusus berwarna biru, yang menghasilkan siri pancaran cahaya pendek dan terang yang berterusan, dan dikategorikan sebagai komponen aksesori yang lazimnya dibina serta dipasang di dalam papan pemuka kereta (*dashboard*). Lampu amaran khas ini dipasang bagi bertujuan menarik perhatian pengguna jalan raya untuk **memberitahu akan kehadirannya**, sekaligus mendapatkan hak untuk menyurai kenderaan di atas jalan raya (*disperse the traffic*).

Sayugia dimaklumkan, hanya kenderaan Jabatan/Agensi yang diwartakan di bawah Akta 333 sahaja, yang mana terlibat secara langsung dengan tugas-tugas kecemasan dan penguatkuasaan, iaitu seperti **kenderaan ambulans**, **kereta Jabatan Bomba**, **kenderaan Jabatan Kastam**, **kenderaan Jabatan Polis**, **kenderaan Jabatan Penjara** dan **kenderaan JPJ** sahaja, yang dibenarkan untuk mendapat hak laluan kenderaan lain di jalan raya dengan cara **membunyikan siren** dan **hon dua-nada** dengan syarat pemandu kenderaan tersebut tidak memandu secara merbahaya, cuai atau tidak bertimbang rasa, sebagaimana peruntukan di bawah **Kaedah 9, Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959**.

Sehubungan dengan itu, sebarang pemasangan lampu seperti *Beacon Light* ataupun *Strobe Light* pada kenderaan tanpa kebenaran JPJ, adalah **TIDAK DIBENARKAN**, kerana pancaran cahaya dan tatacara penggunaannya boleh mengelirukan pengguna-pengguna jalan raya yang lain, yang secara jelas telah melakukan kesalahan di bawah **Kaedah 94, Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959.170/59**, dan boleh diambil tindakan tegas di bawah **Akta 333, JPJ**.

**KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA**

**23 NOVEMBER 2022**

## LAMPIRAN

### CONTOH LAMPU STROBE LIGHT



### CONTOH LAMPU BEACON LIGHT

